

Singapore Government

PRESS RELEASE

Media Division, Ministry of Information and the Arts, #36-00 PSA Building, 460
Alexandra Road, Singapore 119963. Tel: 3757794/5

=====

EMBARGO INSTRUCTIONS

The attached press release/speech is EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY.

Please check against delivery.

For assistance call 3757795

=====

SPRI nter 4.0, Singapore's Press Releases on the Internet, is located at:

<http://www.gov.sg/spri nter/>

=====

Ucapan Encik Zai nul Abi di n Rasheed, Seti ausaha Parli men Kanan

(Ehwal Luar) dan AP bagi GRC Cheng San, di Majlis Perasmi an Kongres Nilai Melayu
(Nilam), pada 10.30 pagi, Sabtu 2hb Oktober, 1999, di

Dewan Singgahsana

Kampung Melayu Geylang Serai.

Hanya jauhari yang kenal mani kam. Demiki an bunyi nya permata peri bahasa
Melayu ki ta. Si apa kata Bahasa Melayu ti dak kaya. Bahasa Melayu memang halus. Ti dak
kurang gemilangnya adalah tenunan budaya Melayu.

2 Yang jelas, budaya Melayu adalah sebahagian penting dari tunggak
dasar berbilang bangsa (multi racial isme) Singapura. Untuk ia diberi peluang
memainkan peranan sewajarnya, kita perlu benar-benar mengenal, memahami dan
menghayati nilai, budaya dan wawasan orang-orang Melayu. Budaya dan nilai-nilai
Melayu harus dilihat secara seluruhnya, luar dan dalam, yang tersurat dan yang
tersirat.

3 Nilam memang mani kam. Si apalah saya untuk menjadi jauhari nya. Namun
masyarakat kita ti dak kurang ahlinya. Kongres Nilai Melayu (Nilam) ini menjadi
bukti bahawa bukan sahaja masyarakat kita mempunyai jauhari nya tetapi ia juga adalah
sebuah masyarakat yang ahlinya perihatin dan serius terhadap pembangunan budayanya.

4 Saya yakin anda sekalian akan bersetuju jika saya berkata bahawa
Majlis Pusat harus diberi sekalung bunga kerana menganjurkan Kongres Nilai Melayu
(Nilam) ini. Syabas MP.

5 Fakta Majlis ini di rasmi kan di Dewan Singgahsana Kampung Melayu Geylang Serai tentulah akan menarik perhatian. Mungkin akan ada orang yang bertanya, sekurang-kurangnya di hati, apa agaknya yang tersirat di sebalik tujuan MP mengadakannya di sini? Mengapa tidak sahaja di Institut Kepemimpinan Masyarakat, Nacli, tempat Kongres ini akan diwarnai kelak? Atau mengapa tidak di Suntec City, pusat konvensyen 'futuristik' yang antara teragung di Singapura?

6 Mungkin pula akan ada orang yang terfikir, apakah soalan-soalan seperti ini hanya permainan minda impian atau duni a Mat Jenin di atas pokok kelapa sahaja? Tetapi saya yakin tidak. Pentas duni a masadepan Melayu kita kini terbuka luas di ambang alaf yang baru dan ia menuntut agar masyarakat Melayu berani mencerna visi dan tabah mengkotakannya pula.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

7 Kini izinkan saya toleh ke belakang sejenak, untuk menyingkap duni a nostalgik kita. Ini bukan sebarang toleh, kerana ia juga cukup sarat dengan pengajaran bagaimana kita melihat kacamata nilai dan jati diri Melayu ini. Tetapi kita harus ingat bahawa usaha mengagung-agungkan era keemasan lalu tidak akan ada gunanya jika kita tidak pandai dan cekap menimba iktibar untuk dijayakannya.

8 Pada dekad '70an dulu, saya ingat menghadiri satu Perhimpunan Duni a Melayu di Kota Bersejarah Melaka. Semangat keMelayuannya cukup hebat. Hasrat dan usaha demi menyemarakkan lagi nilai dan budaya Melayu begitu mendebarkan sekali. Begitu meyakinkan.

9 Saya masih ingat budayawan Melayu Singapura, Cikgu Muhammad Ari ff Ahmad, adalah antara pendokongnya. Penyajak terkenal Latif Mohammad dan aktivis budaya Cikgu Yusnor Ef, juga ada ikut serta.

10 Dari apa yang saya ingat, Prof Ismail Hussein dari Malaysia, Omar Khayyam dari Indonesia, dan Dato Hj Ali din Hj Othman, kini Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, juga adalah antara yang menj ayakannya.

11 Saya ingat juga antara perkara-perkara yang di bincangkan pada masa itu adalah peri pentingnya orang-orang Melayu serumpun saling teguh-memperteguhkan budaya dan jati diri mereka. Peranan agama untuk mengukuh nilai hi dup bangsa Melayu juga di tekankan.

12 Kota Melaka memang cukup bersejarah. Sejarah zaman keemasan Melaka juga cukup mengagumkan. Tetapi ia tetap kekal sejarah. Seperti juga zaman keemasan tamadun Islam yang beratus tahun lamanya, memang banyak pelajarannya. Tetapi ia tetap kekal dalam lipatan sejarah jika kita tidak dapat menggembel eng ilmu dan semangatnya bagi keperluan masadepan.

13 Tiak kurang penting juga adalah peranan Singapura sebagai pusat untuk menyebarkan dan memperkaya budaya dan nilai hidup masyarakat Melayu/Islam di sini dan di Semenanjung. Singapura sebagai tempat bermulanya dunia percetakan, kewartawanan, penulisan, malah kepemimpinan, bagi rantau ini tidak disangsikan. Apakah pula iktibar yang boleh kita manfaatkan dari sejarah silam kita ini?

14 Baik dulu ataupun sekarang, halatuju dan keseimbangan yang dicari adalah sama. Mencari kejayaan dan keredaan menjadi tunjang matlamat pergerakan dan kegiatan masyarakat. Pokoknya, sebagai sebuah masyarakat, kita perlu berjaya dan berilmu. Kedua-duanya penting dunia akhirat.

15 Namun, lain hulu, lain parang, lain dulu lain sekarang. Kini, tuntutannya adalah lebih mencabar lagi. Masing-masing masyarakat Melayu, baik di Singapura, Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia, walaupun berasal dari rumpun yang sama, kini menghadapi garis panduan sosio-politik yang sedikit sebanyak berbeza. Masing-masing, walaupun masih terus bekerjasama dalam beberapa bidang - bahasa, budaya dan agama, umpamanya - sedar bahawa masih terdapat perbezaan-perbezaan dari segi pendekatan dan penekanan (emphasis) bagi cabaran yang mereka masing-masing hadapi.

16 Setelah 34 tahun merdeka dan sedang masyarakat Melayu Singapura, bersama-sama rakyat berbilang bangsa dan agama Republik ini, membuat persiapan-persiapan rapi bagi cabaran alaf baru, memang tepat bagi Majlis Pusat mengadakan Kongres Nilam ini. Singapura juga baru-baru ini menghidangkan pelbagai visi persiapan bagi kurun ke-21, termasuk Singapore 21 dan Manpower 21. Masyarakat Melayu juga rancak menyediakan apa yang boleh dilihat sebagai pergerakan KBE 21nya.

17 Kongres ini harus dapat mengupas, menilai semula dan merumuskan wadah nilai-nilai hidup dan wawasan budaya yang diperlukan bagi masyarakat Melayu hari ini, dalam konteks berbilang bangsa Singapura dan geo-politik kerantauan dan antarabangsa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

For online reference
viewing only

18 Sering, aspek budaya Melayu hanya dipersembahkan sebagai hiburan atau upacara seperti majlis perkahwinan. Jarang, malah telah begitu lama sejak kali terakhir masyarakat kita berbahas secara berkongres, atau meneliti nilai budaya. Apakah nilai itu masih relevan? Apakah kaitan nilai itu dengan impian dan kemajuan kita? Malah, dengan kemajuan negara? Oleh itu, pertemuan Kongres Nilam hujung minggu ini mempunyai makna yang amat besar.

19 Singapura kini tergolong sebagai negara ekonomi menyerlah (emerging economy) yang bakal memasuki Liga Dunia Pertama. Ukurata kemajuan tentulah tidak sekadar di segi kebendaan atau berapakah pendapatan rakyat. Sebaliknya, ukurata kemajuan perlulah menyeluruh, termasuk aspek-aspek penghayatan nilai. Oleh itu,

zar19991002k

pemerintah telah mendapatkan maklum balas warga Singapura demi membentuk wawasan Singapura 21. Antara lain, matlamatnya ialah melahirkan sebuah masyarakat berbudaya tinggi. Selanjutnya Singapura ingin menjadi pusat kebangkitan budaya (renaissance city) yang diiktiraf dunia.

20 Kongres Nilam ini boleh memberi sumbangan ke arah mengisi Wawasan Singapura 21. Tentu banyak idea yang tersaji daripada para pembentang kertas kerja Kongres ini. Ia perlu dibahas dan disemak demi menampilkan huraian terhadap permasalahan dan cabaran masyarakat. Tugas ini memang berat. Tetapi inilah amanah masyarakat yang perlu kita kerjakan. Sesungguhnya hari ini akan menentukan perjalanan kita pada esoknya. Dan sebenarnya kita meminum hari ini daripada generasi hari muka.

21 Masyarakat Melayu harus menggunakan kesempatan ini untuk mencerna kebangkitan budaya Melayu Singapura sendiri. Ia juga perlu bertaraf dunia.

22 Sungguhpun tapak semaian budaya dan warisan Melayu Singapura adalah kecil, tetapi kebangkitan budaya (renaissance) ini tidak mustahil. Sejarah peranan Singapura sebagai pusat kesusasteraan dan kepimpinan dahulu menjadi bukti dan perangsang.

23 Pencapaian kontemporari pentas budaya Singapura juga cukup bersemarak ke arah Renaissance City bertaraf dunia. Pementasan 'Lear' yang bertaraf antarabangsa dan diarah oleh seorang rakyat Singapura juga menjadi bukti mengenai kebolehan Singapura.

24 Dunia seni budaya dan pementasan Melayu juga cukup dengan bakat-bakat yang penuh potensi. Ia boleh diasah untuk mencapai mercu pencapaian bertaraf dunia. Sarkasi Said, Iskandar Jalil dan Iskandar Ismail membanggakan. Masuri S. N. dan Cigku Muhammad Ariff Ahmad juga terkenal.

25 Taman Warisan Melayu di Kampong Gelam yang sedang di bina harus dimanfaatkan sebaiknya sebagai wadah ke arah mencerna kebangkitan budaya Melayu Singapura.

For online reference
viewing only

26 Kesediaan rasmi pemerintah mendokongnya sebagai sebuah projek warisan negara yang dilulus oleh Parlimen hanyalah satu permulaan. Ia menuntut sokongan padu masyarakat sepenuhnya. Ia mengharapkan sumbangan berterusan pemiikiran, tenaga dan wang ringgit masyarakat.

27 Taman Warisan Melayu adalah medan ujian kesanggupan dan keberanian masyarakat Melayu untuk menjayakan kebangkitan budaya dan warisan Melayu Singapura. Kita tiada pilihan lain selain menjayakannya, dan pada taraf dunia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

28 Saya berharap Kongres ini dapat turut memikirkan bagaimana Taman Warisan Melayu ini dapat dijayakan bersama seluruh aspek budaya Melayu yang lain. Seperti yang kita maklum, jaya atau tidaknya Taman Warisan ini tidak hanya terletak pada budaya luaran kita melalui muzium warisan, pementasan, tari an dan sebagainya.

29 Apa yang akan menjadi penentu penakatan kita adalah ketahanan kita sebagai sebuah masyarakat dalam dunia serba canggih dan penuh cabaran ini. Di sinilah letaknya peri pentingnya nilai-nilai dan wawasan hidup yang akan menentukan jatuh bangun, hidup mati sesebuah masyarakat. Budaya dalaman ini sama pentingnya, jika tidak lebih penting.

30 Ini adalah lebih penting apabila kita menghadapi cabaran zaman ekonomi berteraskan ilmu (KBE) ini.

31 Dunia bergerak begitu pantas. Banyak yang telah diperkatakan mengenai cabaran dan keperluan zaman KBE ini. Tidak perlu saya ulangi dengan panjang lebar lagi di sini. Cukup sekadar mengingatkan bahawa ia menuntut masyarakat Melayu mengembalikan perhatian kepada peranan ilmu pengetahuan. Saya katakan 'kembalikan' kerana ia sememangnya warisan dan tuntutan agama Islam kita.

32 KBE menuntut masyarakat menjayakan nilai-nilai hidup seperti kerja keras, inovatif, kreatif, berani mencuba dan pantas menyesuaikan diri mengikut keperluan kemahiran yang sering berubah-ubah. Pendeknya, masyarakat Melayu perlu menjadi sebuah masyarakat produktif dan dinamik.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

33 Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dan merasmikan Kongres Nilam ini, izinkan saya menyimpulkan agar masyarakat Melayu Singapura melihat kepada dua tugas besar yang menanti di hadapannya dengan serius.

34 Persiapan-persiapan serampang dua mata bagi era KBE dan Taman Warisan Melayu kita dapat digunakan sebagai gambaran nilai-nilai yang diperlukan masyarakat. Di samping menguatkan pasak-pasak luaran sejarah, seni dan budaya, masyarakat Melayu kita sebagai sebuah masyarakat yang terdedah kepada saingan global, perlu pula menguatkan di nding dalaman diri nya dengan nilai-nilai hidup yang boleh menguatkan ketahanan mereka.

35 Nilai-nilai seperti harga diri, yakin diri, tabah dan berani untuk menghadapi sebarang kemungkinan adalah pokok. Kita jangan mudah tersinggung, mudah melatah dan lemah semangat. Kita tidak harus membenarkan isu-isu yang masih menghantui kita memesongkan pemerhatian dan sasaran kita dari halatuju jangkapanjang. Zaman sekarang berubah dengan derasnya, dan kita akan di hanyut arus jika tidak pandai menguasainya. Demikian tuntutan masa.

zar19991002k

36 Benarlah kata Pendi ta Zainal Abidin Ahmad atau Za' ba, bahawa memperkatakan soal budaya tidak akan habis. Ada saja idea baru atau pencernaan idea lama yang dapat kita manfaatkan. Selagi hal ini terjadi, ia menunjukkan masyarakat kita akan terus kreatif dan dinamis di segi iktidar dan gagasan untuk meneroka laluan cemerlang masa depan.

37 Kini, izinkanlah saya sudahi ucapan sederhana ini dengan serangkap pantun:

Indah Temasek dalam sejarah,
Indah lagi Singapura merdeka;
Binalah tekad tanpa pasrah,
Semoga kongres kita berjaya.

38 Dengan lafaz bismillah rahmanirrahim, saya rasmi kan kongres ini.

.

For online reference
viewing only